

130 sertai Larian Amal Light Up Borneo

UB 17.10.2015 A15

KOTAKINABALU:Seramai 130 peserta menyertai Engineering Run for Light anjuran Persatuan Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Pelepasan larian disempurnakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS, Dr. Razak Mohd Ali Lee pada pukul 7.30 pagi.

Peserta kemudiannya berlari sejauh tujuh kilometer membabitkan beberapa laluan di sekitar universiti sebelum kembali semula ke fakulti sebagai penamat larian.

Menurut kenyataan IEEE, tujuan utama program adalah mengumpul dana untuk disumbangkan kepada Light Up Borneo.

Light Up Borneo ialah sebuah organisasi bukan kerajaan yang melakukan usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di pedalaman yang masih terasing daripada pembangunan.

Kenyataan itu memaklumkan, para sukarelawan akan masuk ke kawasan pedalaman membantu penduduk membina penjana agar mereka mempunyai bekalan elektrik.

Majlis penutupan larian dan

penyerahan sumbangan kepada wakil Light Up Borneo, Ong B.K, disempurnakan Dekan FKJ UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly.

Sebanyak RM2,000 berjaya dikumpulkan melalui pelaksanaan larian amal itu di samping penganjuran Majlis Makan Malam Program Elektrik dan Elektronik pada bulan Mei lalu.

Dr. Rosalam turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori pelajar lelaki, pelajar perempuan dan kategori terbuka.



PARA peserta yang terlibat dalam Larian Amal Light Up Borneo merakamkan gambar kenangan.



PENYERAHAN sumbangan oleh Dr. Rosalam (kiri) kepada wakil Light Up Borneo.



AKTIVITI senamrobik oleh para peserta sebelum memulakan larian.